

# KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **CIDB MALAYSIA PERKUKUH KUALITI PEKERJA BINAAN ASING MELALUI PROGRAM AKREDITASI DAN KOMPETENSI BERSAMA CLAB**

**KUALA LUMPUR, 5 OGOS 2025** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menekankan bahawa setiap majikan wajib mematuhi proses akreditasi dan pematuhan personel binaan sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520). Pelaksanaan syarat ini memastikan semua pekerja binaan asing di seluruh negara memiliki tahap kompetensi yang diperlukan, mematuhi aspek keselamatan kerja serta memiliki kelayakan yang diiktiraf dalam sektor pembinaan tanah air. Pematuhan ini juga bertujuan meningkatkan profesionalisme industri dan keyakinan orang ramai terhadap kredibiliti sektor pembinaan di Malaysia.

CIDB Malaysia memperkenalkan Program Akreditasi dan Kompetensi Personel Binaan Asing dengan satu inisiatif strategik yang dikendalikan oleh Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB). Matlamat utama program ini adalah untuk memastikan setiap pekerja binaan asing memiliki Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) sebagai satu langkah pematuhan terhadap ketetapan undang-undang sedia ada. Selain itu, pensijilan ini turut berperanan mengiktiraf tahap kemahiran dan pengalaman pekerja binaan asing di tapak projek, sekali gus

memperkuuh profesionalisme dan standard keselamatan dalam industri pembinaan negara.

Pelaksanaan program ini adalah sejajar dengan situasi semasa, di mana kerajaan telah mengenakan pembekuan sementara pengambilan pekerja binaan asing baharu dari negara sumber ke Malaysia berkuat kuasa sejak 31 Mei 2024. Langkah ini membuka ruang penting kepada industri pembinaan untuk melaksanakan proses mengenalpasti dan penilaian menyeluruh terhadap pekerja asing sedia ada yang masih aktif, memandangkan kebanyakannya daripada mereka telah berkhidmat melebihi dua tahun sejak pembekuan ini dilaksanakan. Keadaan ini juga memberi peluang kepada industri untuk memastikan setiap pekerja memenuhi piawaian kompetensi serta standard keselamatan yang ditetapkan.

**Mengulas mengenai keutamaan industri binaan yang berdaya saing dan profesional, Ketua Eksekutif CIDB, Puan Zainora Zainal berkata:**

“CIDB memandang serius ke atas ketidakpatuhan terhadap keperluan pengiktirafan kemahiran ini. Kegagalan mematuhi peruntukan ini bukan sekadar melanggar undang-undang, malah boleh mengundang implikasi besar kepada sektor pembinaan negara termasuk risiko terhadap produktiviti projek, penurunan kualiti kerja, tahap keselamatan yang rendah di tapak bina serta sekatan dalam kelulusan pengambilan pekerja asing untuk projek akan datang.”

Pelaksanaan akreditasi ini tidak melibatkan sebarang kos tersembunyi dan secara langsung memberi kelebihan kepada kontraktor bukan sahaja dalam aspek pematuhan undang-undang, malah turut meningkatkan keberkesanan serta kecekapan operasi. Akhirnya, pelaburan dalam akreditasi dapat memacu daya saing dan reputasi syarikat dalam industri pembinaan yang semakin mencabar.

Program Akreditasi ini membuka ruang kepada majikan mengenalpasti pekerja binaan asing untuk diakreditasi secara rasmi berpandukan kepada pengalaman praktikal mereka di tapak pembinaan. Penilaian yang dijalankan adalah terancang dan bertujuan untuk:

- i. Menyesuaikan tahap kemahiran pekerja dengan piawaian industri;
- ii. Memartabatkan profesionalisme serta mempertingkat kecekapan kerja; dan
- iii. Membudayakan amalan keselamatan serta kualiti kerja yang tinggi di tapak binaan.

Pendekatan ini untuk memastikan industri pembinaan kekal berdaya saing dan berwibawa.

CLAB selaku pemudah cara rasmi program ini komited melaksanakan penilaian secara teratur dan sistematik bagi memastikan kemahiran para pekerja sejajar dengan kehendak serta standard industri. Usaha ini bukan sahaja memperkuuhkan tahap profesionalisme, malah turut mendorong kepada budaya keselamatan dan kualiti kerja yang lebih cemerlang di tapak pembinaan. Dengan pendekatan holistik ini, CIDB yakin dapat meningkatkan reputasi serta daya saing industri pembinaan negara.

#### **Hubungi CLAB untuk Semakan dan Penyertaan**

Majikan digalakkan untuk membuat semakan status pekerja binaan asing di bawah syarikat masing-masing dan mengambil langkah proaktif dengan segera mengemukakan permohonan akreditasi melalui CLAB sekiranya masih terdapat pekerja asing yang belum memperoleh pentauliahan kemahiran secara rasmi. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan akreditasi atau untuk mendapatkan maklumat lanjut, majikan boleh menghubungi pihak CLAB:

#### **Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB)**

Tingkat 2, Annexe Block, Menara Milenium

8 Jalan Damanlela, Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-2095 9599 / 018-376 9599

Emel: [eskkp@clab.com.my](mailto:eskkp@clab.com.my)

Laman Web: <https://www.clab.com.my>

Portal e-SKKP CLAB: <https://e-skkpclab.com.my>

## **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---